

Pusingan 2 menanti Mahathir-Najib
MalaysiaKini.com
Apr 27, 2015

Seperti dijangka, Tun Dr Mahathir Mohamad memulakan fasa kedua kempenya terhadap pentadbiran Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak melalui siri jelajah.

Bukan lagi di blog, ia sudah bermula Sabtu lalu di sebuah dewan di Hulu Kelang yang menyaksikan 500 orang hadir dan laungan "Undur Najib" dilaungkan.

Berdasarkan latar belakang Mahathir, serangan terhadap Najib kelihatan tidak akan berhenti sehingga tujuannya tercapai.

Asakan itu memaksa Najib menjawab perkara itu dalam wawancara rakaman di kaca televisyen pada 9 April, seminggu selepas Mahathir bersikap lebih lantang dan keras.

Beliau bagaimanapun tidak terus menerus menepis Mahathir secara langsung, tetapi memilih nada lebih lembut seperti berkata beliau tidak keseorangan dan meminta peluang daripada "orang tua".

Bagaimanapun, kerja-kerja perang saraf itu kelihatan dilakukan oleh laman pro-Umno seperti MYKMU yang mengambil tugas itu.

Esok, Najib dijadual tampil sekali di kaca televisyen untuk bercakap soal Program Transformasi Negara dan Program Transformasi Ekonomi.

Tetapi persoalannya adakah Najib akan mengambil peluang itu untuk sekali lagi menyiku Mahathir, setelah beliau dipersalahkan dalam banyak perkara, seperti pembinaan jambatan bengkak?

Sementara itu dalam sisi yang lain Mahathir kini seolah-olah berada di atas belakang harimau.

Selagi di atas beliau terselamat dan harimau akan membaham pihak lain. Tetapi jika berundur ke bawah, keadaan akan berubah.

Bagi Umno pula, keadaan itu diibaratkan seperti gajah sama gajah berlawan, pelanduk mati di tengah-tengah.